

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(22)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 11 TAHUN 2015**

<b>Tarikh</b>	: 30 November 2015 (Isnin)
<b>Masa</b>	: 10.30 Pagi – 12.00 Tengahari
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampirkan kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 20 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Oktober dan November 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

- 3.1 Terlebih dahulu beliau mengucapkan rasa syukur di atas nikmat kesihatan yang diberikan kepada semua. Beliau memaklumkan bahawa dalam masa sebulan kita akan melangkah ke tahun 2016. Sepanjang tahun 2015 pelbagai suka duka, pahit manis yang telah dilalui dan diharungi bersama. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar kerjasama sedia ada yang terjalin berpanjangan demi meningkatkan dan menaikkan imej Petaling Jaya sebagai Bandar Raya peneraju yang menjadi PBT yang ditanda aras di Malaysia.



Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis terutama kepada Ketua Whip Parti DAP iaitu Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ketua Whip Parti PKR iaitu Encik Halimey bin Abu Bakar dan Ketua Whip PAS iaitu Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud yang telah memberi kerjasama dalam membangunkan Petaling Jaya. Kerjasama ini amat diperlukan dan akan dibangkitkan setiap kali ucapan beliau di dalam Mesyuarat Majlis.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

### 3.2 PENCAPAIAN PENGUKURAN JARINGAN PETUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR – LUAR BANDAR MALAYSIA, '**MALAYSIAN URBAN RURAL NATIONAL INDICATORS NETWORK ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT** (MURNInets)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mendapat dua pengiktirafan berprestasi tinggi iaitu **Anugerah Bandar Mampan 2014; Pertama Tertinggi** dan **Anugerah Khas Pencapaian Konsisten Status Mampan** semasa sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) pada 3 November 2015.

Kejayaan MBPJ ini diukur mengikut kerangka MURNInets yang digarap daripada lima Strategi Pembangunan Mampan iaitu Wawasan 2020, Model Baru Ekonomi, Rancangan Malaysia Lima Tahun, Rancangan Fizikal Negara (RFN1 & RFN2), dan dasar-dasar pembangunan sektoral seperti perbandaran, pembangunan wilayah, pertanian, perindustrian, alam sekitar, dan lain-lain.

Pengukuran Jaringan Petunjuk Pembangunan Mampan Bandar–Luar Bandar Malaysia (MURNInets) merupakan satu aplikasi bagi **mengukur tahap kemampunan sesebuah bandar** yang meliputi aspek pembangunan seperti aktiviti ekonomi, sosial, kualiti persekitaran, kemajuan fizikal dan urustadbir efektif.

Aplikasi yang digunakan bagi mendapatkan hasil pengukuran adalah **Gerbang MURNInets**. Ianya merupakan aplikasi berasaskan web yang dibangunkan secara bersepadu untuk semua PBT memasukkan data, membuat analisa dan mendapatkan hasil pengukuran kemampunan bandar.



Pengukuran tahap kemampunan MURNInets versi baru merangkumi set petunjuk di bawah 6 dimensi dan 21 tema yang menggambarkan tahap kemampunan bandar melalui 36 petunjuk. Pengukuran di bawah 6 dimensi (sektor) meliputi ekonomi berdaya saing, alam sekitar mampan, komuniti sejahtera, gunatanah dan sumber asli optimum, infrastruktur dan pengangkutan efisien dan urustadbir efektif yang dipecahkan kepada 36 petunjuk berada di tahap mampan iaitu pencapaian melebihi 80%.

BIL	DIMENSI	HASIL PENGUKURAN	
		Tahap Kemampunan	Skor (%)
1	Ekonomi Berdaya Saing	Mampan	100
2	Kualiti Alam Sekitar Mampan	Mampan	100
3	Komuniti Sejahtera	Mampan	94
4	Gunatanah dan Sumber Asli Optimum	Mampan	100
5	Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien	Mampan	100
6	Urustadbir Efektif	Mampan	100
<b>HASIL KESELURUHAN</b>		<b>MAMPAN</b>	<b>99</b>

Melalui 36 petunjuk ini juga, tahap kemampunan Bandaraya Petaling Jaya meningkat iaitu **95%** bagi **tahun 2012**, **96%** bagi **tahun 2013** dan **99%** bagi **tahun 2014**. Petaling Jaya mencapai tahap kemampunan bandar tertinggi di Malaysia diikuti dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru (97%), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (96%), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (95%) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (95%).

Beliau berharap agar pada tahun hadapan Majlis mengekalkan anugerah ini atau meningkatkan kepada 100% tahap kemampunan bandaraya. Mengekalkan atau meningkatkan tahap kemampunan memerlukan cabaran yang tinggi dan memerlukan kerjasama semua pihak.



Beliau turut memaklumkan, dalam tahun 2015 Majlis telah menandatangani dua (2) MOU bersama Badaraya Asan City, Korea Selatan dan Bandung, Indonesia. Beliau memaklumkan kedua-dua bandaraya ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza untuk dipelajari seperti berikut:-

Asan City dipilih ekoran kemajuan dan prestasi cemerlang kota itu dalam pelbagai sektor yang membolehkan MBPJ mempelajari pelbagai bidang dengan mendalam di samping mengamalkan amalan terbaik dalam kalangan masyarakat. Pengkhususan diberikan terhadap aspek teknologi maklumat penyediaan infrastruktur, sistem pengangkutan, kemudahan awam, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan.

Sementara itu 'City of Bandung' pula mempunyai keistimewaan dari aspek pendidikan, ekonomi, pembangunan dan pelancongan. Selain daripada itu walaupun Bapak Mochamad Ridwan Kamil baru dua (2) tahun menjadi walikota Bandung namun telah memenangi Anugerah Tertinggi berkaitan dengan komuniti dan dipilih sebagai finalis Inovasi Smart City Organisation Awards 2015 di Barcelona dan bersaing dengan Moscow, Dubai, Buenos Aires, Curitiba dan Peterborough.

Beliau bercadang untuk mengadakan lawatan kerja ke Asan City dan Bandung of City bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan/pegawai untuk belajar dan menjalinkan kerjasama yang lebih padu. Selain daripada itu, cadangan penempatan pegawai Majlis selama satu hingga tiga bulan bagi mempelajari cara pelaksanaan ciri-ciri terbaik di bandaraya tersebut serta melengkapkan ilmu untuk diperaktikkan di Petaling Jaya akan dilaksanakan.

Beliau turut memaklumkan bahawa MBPJ telah mengadakan sambutan PJ Fair pada 28 dan 29 November 2015 yang lepas dan berharap agar sambutan bagi acara ini diadakan pada setiap tahun dengan tambahan acara-acara atau penyertaan untuk orang awam. Beliau mengulas program PJ Fair adalah program yang melibatkan komuniti dan tanpa komuniti Petaling Jaya tidak dapat membangun sebagai sebuah bandaraya. Tema 'Our Community' yang memberi fokus kepada objektif untuk memperkuatkannya integrasi sosial di kalangan komuniti dan masyarakat di Petaling Jaya melalui aktiviti-aktiviti yang menggalakkan gaya hidup sihat di samping membina sahsiah, semangat berpasukan dan muhibbah.

Sehubungan dengan itu, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan majlis yang terlibat dengan penganjuran PJ Fair pada tahun ini. Diharap agar Urusetia sambutan membuat perancangan awal bagi memastikan kejayaan dan kemeriahan sambutan PJ Fair pada tahun-tahun akan datang.



### **3.3 PENINGKATAN WABAK DENGGI**

Sehingga 21 November, minggu epid 46, sebanyak 7,202 kes denggi telah dicatatkan. Sebanyak 15.3% peningkatan kes dilaporkan berbanding minggu 45 dan minggu 46 iaitu pertambahan kes mingguan dari 98 ke 113. Sejumlah 43 kawasan wabak telah dikenalpasti yang mana 10 lokaliti wabak hot spot, 11 lokaliti wabak tidak terkawal dan 22 kawasan wabak terkawal.

Trend kes demam denggi dilaporkan telah mula menunjukkan peningkatan semenjak 2 minggu kebelakangan ini. Peningkatan kes ini sama seperti trend penghujung tahun 2014. Faktor lain adalah disebabkan oleh perubahan cuaca dengan hujan hampir setiap hari, berkeadaan sejuk dan lembap. Ini sedikit sebanyak menyebabkan berlakunya pembiasaan jentik-jentik seterusnya meningkatkan pembiasaan nyamuk aedes.

Langkah-langkah seperti pemeriksaan jentik-jentik dari rumah ke rumah, larvasiding dan semburan fogging giat dijalankan oleh kakitangan Unit Kawalan Vektor. Aktiviti ini dilihat dapat mengurangkan pembiasaan.

Justeru itu, seluruh masyarakat Petaling Jaya adalah disaran supaya tidak membuang sampah merata-rata. Ini adalah kerana ia boleh menyebabkan berlakunya pembiasaan jentik-jentik aedes. Selain dari itu juga, dinasihatkan agar mengambil langkah-langkah seperti menggunakan ubat penghalau nyamuk semasa menjalankan aktiviti luar pada waktu subuh dan senja.

Masyarakat Petaling Jaya juga boleh melayari pautan info denggi di laman rasmi Majlis, [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) untuk mendapatkan maklumat lokasi kawasan wabak dan aktiviti kawalan denggi oleh Unit Kawalan Vektor.

### **3.4 OPERASI BERSEPADU PENJAJA TANPA LESEN SERTA ASPEK PENYALAHGUNAAN LESEN DI KAWASAN-KAWASAN PASAR DAN KOMPLEKS PASAR SEKITAR PETALING JAYA.**

Majlis telah menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen dan penyalahgunaan lesen di kawasan-kawasan pasar dan kompleks pasar terutamanya premis dan penjaja yang menggajikan pekerja warga asing tanpa izin di sekitar kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Operasi secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen telah dilaksanakan pada 24 November 2015 (Isnin) di empat buah pasar di Kompleks Pasar Jalan Othman, Pasar Sg. Way, SS9/12, Pasar Pagi SS2/63, Pasar Pagi Seksyen 17. Pihak Imigresen telah menahan seramai 31 orang pendatang asing terdiri daripada 4 warga



Myanmar, 2 warga Thailand, 18 warga Indonesia, 4 warga Bangaldesh, 1 warga Philipina dan 2 warga China.

Dalam operasi ini, Majlis telah mengeluarkan sebanyak 12 kompaun perniagaan tanpa lesen manakala 4 tindakan sitaan telah dibuat ke atas penjaja warga asing yang menjalankan aktiviti penjaja tanpa lesen. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 8 operasi bersepadu dijalankan dan 241 tangkapan telah dibuat. Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah penjaja asing tanpa izin berniaga di kawasan pasar dan kompleks pasar sekitar Petaling Jaya.

Beliau mengulas bahawa pemantauan berterusan hendaklah dibuat ke atas ke-kes di atas bagi mengelakkan perkara ini berulang. Ahli Majlis kawasan berperanan untuk memaklumkan kepada penduduk berkaitan kesan sekiranya kita bekerjasama dengan warga asing. Pertambahan penjaja dikalangan warga asing adalah berpunca daripada sikap penduduk yang bekerjasama dan memberi peluang serta ruang perniagaan kepada warga asing tersebut.

### 3.5 OPERASI KENDERAAN BURUK

Majlis giat menjalankan operasi pindah alih kenderaan buruk di Petaling Jaya. Pelaksanaan operasi ini diteruskan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kejuruteraan. Operasi yang diadakan secara berkala di lokasi-lokasi “hot-spot” yang telah dikenal pasti sebelum ini.

Berdasarkan statistik, sehingga kini sebanyak **326** buah kenderaan buruk/terbiar telah diambil tindakan pengalihan manakala sebanyak **324** buah kenderaan telah dialihkan oleh pemilik sendiri selepas notis dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis mengingatkan dan memohon kerjasama pemilik-pemilik kenderaan terbiar terutama di kawasan kediaman untuk mengambil tindakan segera dengan mengalihkan kenderaan tersebut. Manakala bagi pengusaha-pengusaha bengkel membaiki kereta pula, Majlis mengingatkan agar mematuhi undang-undang dan tidak membuat halangan petak bagi keselesaan awam. Beliau berharap agar dengan adanya kerjasama dari penduduk dan pemilik bengkel, operasi kenderaan buruk akan berkurangan.

### 3.6 PERSIAPAN MENGHADAPI BENCANA

Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mendapati taburan hujan pada tahun ini agak luar biasa. Pada tahun 2014, kadar taburan hujan adalah 120mm sehingga 250mm dan kadar taburan hujan itu mencecah kepada 320mm pada bulan ini.



MBPJ juga telah bersiap sedia untuk menghadapi bencana banjir yang berlaku di kawasan pentadbiran MBPJ. Bilik Gerakan Bencana Alam MBPJ telah dibuka sebagai pusat pengumpulan maklumat berkaitan kejadian bencana alam yang berlaku di Petaling Jaya. Ia juga berfungsi untuk menyelaras bantuan kecemasan dan bencana merangkumi aspek logistik, kepakaran dan kebajikan. Skuad PANTAS Majlis di bawah seliaan Jabatan Penguatkuasaan melibatkan seramai 23 orang anggota iaitu 19 orang dari Jabatan Penguatkuasaan dan 4 orang dari jabatan lain. Skuad ini akan digerakkan apabila berlakunya kejadian bencana alam. Mereka turut membuat rondaan pemantauan di kawasan-kawasan berisiko. Anggota PANTAS bertugas secara 'on call basis' dan bersedia digerakkan pada bila-bila masa begitu juga dengan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah diarahkan bersiap sedia. Orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline 03-79542020 atau emel aduan perkhidmatan di [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my).

Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan menjalankan kerja pembersihan longkang dan saliran di dalam usaha mengatasi bencana banjir di kawasan pentadbiran masing-masing.

Justeru itu, beliau selaku Datuk Bandar ingin menyeru agar masyarakat Petaling Jaya menjaga keselamatan sepanjang masa dan sentiasa peka dengan maklumat terkini mengenai keadaan banjir lebih-lebih lagi kawasan berhampiran tempat tinggal mereka.

Selain daripada itu beliau memaklumkan kejadian banjir baru-baru ini di Jalan masuk Subang Airport ke Ara Damansara adalah berpuncak dari pembinaan LRT. Kontraktor yang dilantik bagi projek ini tidak menyediakan sekatan tanah yang mengakibatkan tanah memasuki longkang-longkang disekitar dan menyebabkan banjir sekiranya hujan turun. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar mesyuarat di bawah Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas membangkitkan perkara ini agar tidak berulang semula. Caj hendaklah dikenakan ke atas kontraktor telibat sekiranya kawasan sekitar mengalami banjir yang disebabkan halangan tanah.

Beliau turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa lemas di Tasik Ara Damansara baru-baru ini. Semoga, kejadian yang berlaku tempoh hari dijadikan iktibar buat kita semua dalam usaha meningkatkan lagi tahap keselamatan dan mengambil berat pergerakan anak-anak kita di waktu musim cuti persekolahan ini.



**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

**4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 10 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 10 Tahun 2015 bertarikh 28 Oktober 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 10 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 OKTOBER 2015**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN</b>  a) Perkhidmatan 'PJ Free Bus'  Beliau mencadangkan agar Majlis mengkaji untuk membuat tambahan ke atas perjalanan 'PJ free Bus' dan melaksanakan pelantikan kepada syarikat bas secara tender terbuka bagi 'PJ Free Bus' memandangkan ia melibatkan jumlah yang besar iaitu lebih daripada RM6 juta.	Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Dan Penasihat Lalulintas Bil. 11 Tahun 2015 pada 13 November 2015 telah membentangkan cadangan tambahan 2 laluan baru PJ 03 dan PJ 04 yang akan meliputi kawasan Pusat Bandar, perumahan, perniagaan dan sekolah di sekitar kawasan SS 6, SS 5, SS 4 dan SS 3 bagi laluan PJ03 dan kawasan sekitar SS 1 dan SS 2 bagi laluan PJ 04.



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Majlis tidak bercadang untuk membuat tawaran terbuka kerana tawaran asal telahpun dirujuk dan mendapat nasihat dari Pegawai Kewangan Negeri. Untuk itu Majlis akan meneruskan kontrak sediada dengan Syarikat Rapid Bus Sdn Bhd. dengan membuat tawaran lanjutan kontrak kepada Syarikat Rapid Bus Sdn Bhd. Majlis amat berpuashati dengan perkhidmatan yang telah diberikan setakat ini kerana perkhidmatan yang diberikan lebih bersistematis yang mana antaranya termasuk sistem aduan berpusat, sistem maklumat penumpang dan sistem penjejakan bas bagi mengawal pergerakan bas.</p> <p>Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa SUK telah memutuskan agar setiap PBT mewujudkan Unit ‘Transportation’ yang diletakkan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p>b) Penyelenggaraan dan Promosi 'PJ Free Bus'</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar 'PJ Free Bus' diselenggara oleh 'Urban Transportation division'.</p> <p>Beliau berharap agar Majlis memaklumkan kepada penduduk Petaling Jaya berkaitan peruntukan sebanyak RM6 juta lebih yang diperuntukan kepada 'PJ Free Bus' dan kemajuan yang dicapai terhadap kemudahan 'PJ Free Bus'.</p> <p>c) Perhentian Bas dan Stesen Bas di Petaling Jaya</p> <p>Bagi meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik selaras dengan kemudahan 'PJ Free Bus', beliau berharap agar MBPJ menyelenggara semua 'Bus Stops' di kawasan Petaling Jaya serta menaiktaraf stesen bas sebagaimana stesen MRT yang mempunyai kemudahan untuk penduduk Petaling Jaya.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum perkara tersebut.</p> <p>Majlis akan memaklumkan kepada penduduk Petaling Jaya mengenai peruntukan tahun 2016 melalui sidang akhbar yang akan dibuat oleh Datuk Bandar pada pertengahan bulan Disember 2015.</p> <p>Kemudahan pondok perteduhan bas sedia ada akan diambilalih oleh Majlis selepas tamat tempoh kontrak Majlis dengan Syarikat Konsesi Tetuan Parisign Marketing Sdn Bhd. Sementara itu, Jabatan Perancangan Bandar di bawah Kajian Pengangkutan di sekitar Petaling Jaya akan mengenalpasti dari segi keperluan dan membina pondok-pondok perteduhan bas ini pada masa akan datang.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.3.6	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR</b></p> <p>Berkaitan 'PJ City Bus'. Beliau berharap agar perkhidmatan 'PJ City Bus' dipanjangkan ke kawasan beliau iaitu di PJS 5 – PJS 10 agar penduduk di kawasan beliau dapat menikmati perkhidmatan yang diberi.</p>	<p>Perkara ini telah beberapa kali dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas yang mana Majlis telah memutuskan untuk tidak memberikan perkhidmatan PJ City Bus ke kawasan PJS 5 sehingga PJS 10 kerana laluan ini akan mengganggu kekerapan laluan bas yang telah ditetapkan kepada setiap 15 minit. Majlis telah membuat keputusan untuk menggunakan Bas Komuniti PJS sebagai bas pengantara (Feeder) ke kawasan PJS 1 sehingga PJS 6 terus ke HAB PJS 3/2. Sesi percubaan selama 6 bulan diberikan bagi mendapatkan maklumbalas pengguna dan akan dibentangkan semula untuk keputusan Majlis sama ada untuk meneruskan atau menamatkan perkhidmatan bas pengantara ini.</p> <p>Encik Halimey memaklumkan tempoh percubaan 6 bulan adalah terlalu lama. Beliau mencadangkan sekiranya perkhidmatan 'free bus' tidak dapat dipanjangkan ke kawasan tersebut, beliau berharap agar Majlis menggunakan bas komuniti bagi membawa penduduk di PJS 6 (Klinik 1 Malaysia) terus ke MBPJ dan PPUM.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.4	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB TUAN LAU WENG SAN</b></p> <p>Berkaitan projek menaiktaraf longkang di SS 1/21 yang menelan belanja jutaan ringgit dan masih belum siap sepenuhnya walaupun tarikh jangkaan siap adalah pada April 2015.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah beberapa kali memaklumkan dan memberi arahan kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan projek dengan segera. Terdapat beberapa halangan daripada pihak penduduk yang mana terdapat sebanyak 27 bahagian belakang rumah penduduk yang masuk ke dalam rezab longkang majlis. Lawatan dan surat amaran kepada penduduk juga telah dikeluarkan oleh pihak jabatan.</p> <p>Jabatan Kawalan Bangunan juga turut dimaklumkan untuk meroboh bahagian belakang rumah memandangkan terdapat penduduk yang membuat pengubahsuaian melebihi kawasan pemilik.</p> <p>Mesyuarat berkenaan perkara ini telah diadakan pada 2 November 2015 dan hasil mesyuarat tersebut adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tarikh siap projek di jangka siap pada 16hb November 2015.</li> <li>b. Penduduk memohon barrier di laluan rezab parit hujan lebat di Jalan SS 1/15 dan di Jalan SS 1/18 - Mesyuarat telah memaklumkan permohonan tersebut tiada di dalam syarat kontrak dan perlu di pohon menggunakan Garis Panduan 'Guarded Community'.</li> </ul>



	<p>c. Kontraktor (Mahkota Atap Enterprise) memaklumkan kerja-kerja 'survey' serta penandaan semula akan diadakan bagi menentukan lot banglo yang menceroboh rezab parit hujan lebat Majlis kerana penandaan 'survey' terdahulu telah tiada/rosak disebabkan pembinaan.</p> <p>d. Selepas 'survey' di laksanakan, pelan 'survey' akan dikemukakan kepada Ahli Majlis kawasan untuk rujukan penduduk berkaitan.</p> <p>e. Rumah-rumah yang mengalami kerosakan berpunca daripada projek ini akan dibaiki oleh kontraktor.</p> <p>f. Berkenaan surat tuntutan/pampasan oleh pemilik rumah berkaitan perlu mengemukakan secara rasmi kepada Majlis dan Majlis akan serahkan kepada kontraktor untuk tindakan proses insuran projek kontraktor.</p> <p>g. Lawatan tapak akan diadakan bersama-sama di antara pihak Majlis, kontraktor dan penduduk pada 4hb November, 2015 untuk semakan bilangan rumah yang mengalami kerosakan dan bilangan lot banglo yang menceroboh rezab parit hujan lebat Majlis.</p> <p>Hasil lawatan tapak yang telah diadakan pada 4 November 2015 adalah seperti di lampiran A.</p>
--	---



## LAMPIRAN A

- a. Kerosakan berpunca projek pembinaan adalah seperti berikut:-

### (TINDAKAN KONTRAKTOR) :

BIL.	ALAMAT RUMAH	KEROSAKAN
1	No. 76, Jln. SS 1/21	Grill pagar rosak, pagar rosak
2	No. 89, Jln. SS 1/19	Cat rosak, ketinggian tanah di selaraskan - mengelakkan air permukaan masuk ke dalam lot.
3	No. 70, Jln. SS 1/21	ketinggian tanah di selaraskan - mengelakkan air permukaan masuk ke dalam lot.
4	No. 68, Jln SS 1/21	Cat rosak, ketinggian tanah di selaraskan - mengelakkan air permukaan masuk ke dalam lot, tambak tanah yang mendap dan baiki semula longkang keluar
5	No. 62, Jln. SS 1/21	Baiki semula longkang keluar
6	No. 56 Jln. SS 1/21	Baiki semula longkang keluar
7	No. 55 Jln. SS 1/19	Pasang 'chain link' – untuk keselamatan penduduk
8	No. 42 Jln. SS 1/21	Pasang 'chain link' – untuk keselamatan penduduk
9	No. 53 Jln. SS 1/19	Pasang 'chain link' – untuk keselamatan penduduk
10	No. 47 Jln. SS 1/19	Pasang 'chain link' – untuk keselamatan penduduk, tambak tanah yang mendap
11	No. 41 Jln. SS 1/19	Cat rosak
12	No. 37 Jln. SS 1/19	Pasang 'chain link' – untuk keselamatan penduduk, Baiki semula longkang keluar

- Nota : Pembaikan melibatkan keselamatan sedang di laksanakan.



- b. Pembinaan tanpa kebenaran di atas Rezab Parit Hujan Lebat oleh pemilik persendirian / pemilik banglo.

**(TINDAKAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN / TINDAKAN PEMILIK RUMAH) :**

BIL	ALAMAT RUMAH	KEROSAKAN
1	No. 72, Jln. SS 1/21	Pagar Batu
2	No. 62, Jln. SS 1/21	Pemilik rumah perlu memastikan hanya satu longkang keluar (outlet) ke 'sump' Majlis.
3	No. 54, Jln. SS 1/21	Struktur 'retaining wall' / tangga
4	No. 59, Jln SS 1/19	Pagar batu
5	No. 55, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
6	No. 53, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
7	No. 49, Jln. SS 1/19	'strutting' pagar batu
8	No. 36, Jln. SS 1/21	'Retaining Wall' , struktur rumah
9	No. 34, Jln. SS 1/21	'Retaining Wall' , struktur rumah
Bil.	Alamat Rumah	Struktur
10	No. 28, Jln. SS 1/21	'Retaining Wall' , struktur rumah
11	No. 26, Jln. SS 1/21	'Retaining Wall' , struktur rumah
12	No. 24, Jln. SS 1/21	'Retaining Wall'
13	No. 35, Jln. SS 1/19	'Retaining Wall' , Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
14	No. 24, Jln. SS 1/21	Pagar batu
15	No. 22, Jln. SS 1/21	Pagar batu
16	No. 20, Jln. SS 1/21	Pagar batu
17	No. 29, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
18	No. 16, Jln. SS 1/21	Pagar batu
19	No. 12, Jln. SS 1/21	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
20	No. 23, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)



BIL	ALAMAT RUMAH	KEROSAKAN
21	No. 21, Jln. SS 1/19	Pagar batu
22	No. 17, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
23	No. 15, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bangunan dan bumbung)
24	No. 11A, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
25	No. 7, Jln. SS 1/19	Jabatan bangunan semak binaan tanpa kebenaran (struktur bumbung)
26	No. 5 Jln. SS 1/19	Pagar Batu

- Nota : Pemilik rumah masih belum mengambil tindakan pengalihan sebarang struktur atau barang persendirian ke dalam lot mereka.
- c. Rumah Terbengkalai

**(TINDAKAN JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN / TINDAKAN PEMILIK RUMAH) :**

BIL	ALAMAT RUMAH	KEROSAKAN
1	No. 40, Jln. SS 1/21	Siasatan sekiranya terdapat tempat pembiakan nyamuk

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 2 NOVEMBER 2015 DAN 13 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (145)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (147)**

**6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.**

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK  
BERTARIKH 4 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (135)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT  
SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 29 OKTOBER 2015 DAN 6  
NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (24)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (26)**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN  
PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 12 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (140)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN  
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 12 NOVEMBER  
2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (64)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ**



**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 13 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (42)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan

Pindaan bagi perkara 4.1.2 a) di muka surat 13 iaitu:-

- a) Cadangan pertukaran 3 fasa kepada 2 fasa lampu isyarat di Persimpangan Jalan 17/1 dan Jalan 16/1 diteruskan dan Jabatan Kejuruteraan diminta untuk mendapatkan data-data dan menetapkan tarikh bagi perbincangan semula.

Tambahan bagi perkara 4.3.2 b)

- b) Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera ke atas laluan pejalan kaki dan laluan basikal di dalam projek sistem jalan sehala.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 16 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (82)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (56)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**



**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 23 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (47)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 25 NOVEMBER 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (111)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOK MENG**

**7.1.1 Sambutan PJ Fair 2015**

Beliau mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli Majlis dan pegawai serta kakitangan terlibat yang menjayakan sambutan PJ Fair 2015. Beliau turut merakamkan penghargaan khas kepada Pengarah dan wargakerja Jabatan Perancangan Pembangunan.

Tema komuniti pada sambutan PJ Fair kali ini adalah amat tepat dan sesuai dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan melibatkan semua komuniti termasuk warga OKU.

**7.1.2 Beliau turut merakamkan tahniah di atas kejayaan MBPJ menerima dua (2) pengiktirafan PBT mampan dan konsisten peringkat Kebangsaan. MBPJ telah mencapai 99% untuk 6 elemen-elemen khidmat PBT yang diambil kira.**

Beliau amat yakin kejayaan ini tidak mungkin berlaku tanpa kerjasama antara jabatan dan Ahli-Ahli Majlis. Beliau berharap agar kerjasama ini diteruskan agar MBPJ dapat melangkah lebih jauh lagi pada masa hadapan.



7.1.3 Selain daripada tanggungjawab asas seperti isu jalan, longkang, sampah dan lampu, tanggungjawab Majlis sebagai PBT boleh ditingkatkan dengan kualiti dan nilai hidup warga kota seperti menjadikan Petaling Jaya sebagai kota seni. Beliau amat gembira dengan usaha-usaha Majlis menjadikan PJ State sebagai kota seni. Pelbagai persembahan kebudayaan diadakan setiap hujung minggu yang menarik lebih ramai warga Petaling Jaya untuk menghidupkan suasana Petaling Jaya di waktu malam.

Sehubungan dengan itu, beliau mengusulkan agar Jabatan terlibat mengkaji untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai Pusat Kesenian Tarian Kebangsaan dan Antarabangsa. Festival Tarian (Festari) dicadangkan diadakan setiap tahun dan International Folklore Festival diadakan setiap dua (2) tahun sekali. Sebagaimana Rio ada Mardigras dan di London ada Nottinghill Carnival, lebih dekat lagi, di Kuching ada Rainforest Festival dan Pulau Pinang ada Jazz Festival, diharap agar di Petaling Jaya ada Festival Tarian.

Ke arah itu, Majlis hendaklah berusaha untuk mencapai objektif dimana Festival Tarian dan Festival Folklore menjadi sinonim dengan Petaling Jaya di pentas Kebangsaan dan pentas Dunia. Majlis juga berusaha mencapai matlamat dimana lebih banyak kumpulan-kumpulan kesenian tarian memohon untuk menyertai festival yang dianjurkan.

Menurut beliau kesenian tarian bukan sahaja terhad kepada zapin dan joget atau hip hop dan rock n roll sahaja. Kesenian tarian termasuk seni budaya seperti Banghra, tarian singa termasuk juga Ballroom dancing.

Secara peribadi, adalah menjadi impian beliau untuk menganjurkan Pesta Tarian dibawah bintang (Dancing under the Stars) di Boulevard MBPJ - contohnya 'Open Air International Ballroom Dancing'.

Tujuan beliau membangkitkan usul ini di penghujung tahun agar Majlis dapat merancang aktiviti-aktiviti tahunan seperti PJ Fair seawal yang mungkin. Program 'last minute' akan ada kelemahan-kelemahan dan kurang sambutan daripada orang awam.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan,  
MBPJ,  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



#### 7.1.4 Sambutan Ulangtahun Bandaraya ke 10

Beliau berharap agar ulangtahun bandaraya yang ke 10 pada tahun 2016 dirancang sebaik mungkin dengan aktiviti-aktiviti serta acara-acara khas sambutan termasuk cadangan sambutan 'PJ International Folklore Festival' bagi menampilkan PJ ke pentas antarabangsa.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Jabatan Perancangan Pembangunan membawa usul ini ke Mesyuarat Jawatankuasa untuk pertimbangan dan kelulusan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan,  
MBPJ.**

Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun iaitu:-

Inai Merah kembang berseri,  
Lambang PJ Bandar lestari  
Marilah mari kita menari,  
Hidupkan Festari Pesta Menari.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat. Tuan Pengerusi turut menekankan bahawa semangat kerjasama adalah elemen terpenting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar kerjasama di antara Ahli Majlis, Ketua Jabatan, warga kerja MBPJ dan semua penduduk Petaling Jaya dipertingkatkan untuk kejayaan Petaling Jaya di masa akan datang.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8 Disember 2015



## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

- |  |             |
|--|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,<br>Datuk Bandar, MBPJ.  | - Pengerusi |
| 02. Tuan Johary bin Anuar,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. |             |
| 03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |             |
| 04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,<br>Ahli Majlis, MBPJ. |             |
| 05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,<br>Ahli Majlis, MBPJ.  |             |
| 06. Encik Tony Cheong Siew Thong,<br>Ahli Majlis, MBPJ.    |             |
| 07. Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.    |             |
| 08. Encik Oon Chong Ling,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |             |
| 09. Encik Ang Ming Ern,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |             |
| 10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.   |             |
| 11. Encik Azizi bin Ariffin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |             |
| 12. Encik Tang Fuie Koh,<br>Ahli Majlis, MBPJ.             |             |
| 13. Encik Mahharul bin Ismail,<br>Ahli Majlis, MBPJ.       |             |
| 14. Puan Cynthia Gabriel,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |             |



15. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Chan Kien Fatt,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Puan Sia Siew Chin,  
Ahli Majlis, MBPJ. (*dengan maaf*)

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISIM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Lanskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,  
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

#### **AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Edward Yap,  
Wakil ADUN Kg. Tunku.
04. Encik Muhammad Haizat bin Sapian,  
Wakil ADUN Kota Damansara.
05. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,  
Penyelaras DUN Kota Damansara.

#### **URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

